

# Universiti Harvard ungguli penarafan



Susunan Rosniza  
Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

**U**NIVERSITI Harvard, Amerika Syarikat (AS) sekali lagi mengungguli penarafan dikeluarkan Times Higher Education (THE) menerusi Penarafan Reputasi Universiti Dunia yang julung kali diperkenalkan tahun ini.

Institusi pengajian tinggi (IPT) yang turut diiktiraf sebagai universiti terbaik dunia menerusi sistem penarafan THE itu mencatat markah penuh 100 peratus bagi penilaian berdasarkan kualiti akademik.

Penarafan terbaru itu hasil tinjauan pendapat lebih 13,000 ahli akademik berpengalaman seluruh dunia mengenai kualiti pengajaran dan penyelidikan universiti.

Kajian dikendalikan Ipsos Media CT bagi pihak Thomson Reuters itu menggunakan lapan bahasa bagi mendapatkan pendapat ahli akademik ternama mengenai universiti yang mempunyai kualiti akademik terbaik

mengikut bidang pengkhususan masing-masing.


Secara keseluruhan, penarafan itu mencerminkan dominasi IPT AS dan kekukuhan universiti Jepun dalam sektor pengajian tinggi antarabangsa.

Penarafan itu juga secara tidak langsung mewujudkan kelompok enam 'Super Brands' sektor pengajian tinggi iaitu Universiti Harvard, Massachusetts Institute of Technology, Universiti Cambridge, Universiti

B/H 31/3/2011 MS 2.

California Berkeley, Universiti Stanford dan Universiti Oxford yang tersenarai sebagai enam universiti dengan peratusan markah paling tinggi iaitu antara 68 peratus hingga 100 peratus.

IPT AS mendominasi senarai 10 universiti dengan reputasi akademik tinggi penarafan itu apabila tujuh universiti negara itu berada dalam kelompok terbaik berkenaan termasuk Universiti Princeton, Universiti



KAMPUS  
Universiti Tokyo.

Yale dan California Institute of Technology.

Sementara itu, penarafan berkenaan membayangkan IPT United Kingdom (UK) mempunyai kelebihan persepsi baik pada mata dunia berbanding

pencapaian sebenar kerana kedudukan penarafan berdasarkan reputasi sesetengah universiti negara itu jauh lebih baik berbanding prestasi dalam penarafan Universiti Terbaik Dunia.

GLOBAL

Contohnya, Universiti Cambridge yang berada di tangga keenam dalam Penarafan Universiti Terbaik Dunia melonjak kepada kedudukan ketiga dalam penarafan berdasarkan reputasi itu.

Begitu juga, London School of Economics yang berada di tempat ke-37 berbanding 86 bagi Penarafan Universiti Terbaik Dunia dan Universiti Manchester yang melonjak daripada tangga 87 ke 61.

Jepun pula mengukuhkan reputasi dalam sektor pengajian tinggi antarabangsa apabila lima IPT negara matahari terbit itu tersenarai dalam kelompok 100 teratas iaitu Universiti Tokyo, Kyoto, Osaka, Tohoku dan Tokyo Institute of Technology.

Lebih membanggakan apabila Universiti Tokyo menduduki tempat kelapan penarafan itu dengan markah 34.5 peratus, mengetepikan universiti ternama pesaing terdekatnya dari Australia dan Kanada.

Tinjauan pendapat bagi menghasilkan penarafan baru itu dijalankan mulai Mac hingga Mei tahun lalu membabitkan 13,388 ahli akademik daripada 131 negara.

Antara kriteria responden yang dipilih bagi memberi maklum balas tinjauan itu ialah ahli akademik yang menerbitkan lebih 50 kertas kajian dalam jurnal berprestij dan mempunyai tempoh berkhidmat minimum 16 tahun di IPT.

Antara soalan dikemukakan menerusi tinjauan itu ialah 'universiti mana anda sarankan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian pascasiswazah dengan bimbingan penyeliaan terbaik?'

Pemarkahan bagi penarafan itu membabitkan 66.6 peratus bagi aspek penyelidikan sementara 33.3 peratus lagi pengajaran.



KAMPUS Harvard.